



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN LANDSKAP

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

TAJUK PROJEK	GREDE, KATEGORI & PENGKUSUSAN	TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
1 CADANGAN MENAIKTARAF LANDSKAP DI TAMAN HILIRAN, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN (MBKT SH 29/2019)	Kelas : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE14 & CE 21 & CE 22	23 APRIL 2019 (SELASA) 9.30 PAGI PENDAFTARAN & TAKLIMAT: DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA TERENGGANU (DIWAJIBKAN) LAWATAN TAPAK SELEPAS TAKLIMAT : KAWASAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK TAMAN HILIRAN (DIWAJIBKAN)	RM30.00

- Dokumen Sebutharga dan maklumat lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Aras 3, Plaza MBKT Tanjung, Jalan Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu**
- Lawatan Tapak adalah diwajibkan dan hanya kontraktor atau penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja akan dibenarkan untuk mendaftar semasa lawatan tapak dan membeli dokumen sebutharga.**
- Naskah Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor atau penama yang sah dengan membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Sijil Kontraktor Bertaraf bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan Perakuan Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia berserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga.
- Dokumen Sebutharga akan dijual mulai pada hari **Khamis, 25 April 2019** hingga **Khamis, 02 Mei 2019** yang boleh dibuat secara Wang Tunai/Wang Pos/ Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- Sebutharga ini akan ditutup pada hari Ahad, 05 Mei 2019.** Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. **Sebutharga** berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum jam **12.00** tengah hari pada hari tersebut.
- Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahleku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

(TUAN HAJI SHAHIDAN BIN EMBOK)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu